



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 632

AKTA DEMUTUALISASI (BURSA SAHAM KUALA LUMPUR) 2003

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD

2006

**AKTA DEMUTUALISASI (BURSA SAHAM
KUALA LUMPUR) 2003**

Tarikh Perkenan Diraja 26 Disember 2003

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 31 Disember 2003

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2005

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 632

AKTA DEMUTUALISASI (BURSA SAHAM KUALA LUMPUR) 2003

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERUBAHAN KEPADA SYARIKAT AWAM BERHAD MENURUT SYER

3. Perubahan kepada syarikat awam berhad menurut syer
4. Kesan perubahan
5. Pindaan memorandum dan perkara-perkara persatuan, dsb.
6. Kedudukan syarikat anggota selepas perubahan
7. Kesan lain perubahan

BAHAGIAN III

SYARIKAT PENERIMA PINDAHAN

8. Penamaan syarikat penerima pindahan oleh Menteri
9. Peruntukan peletakhakan
10. Syarikat penerima pindahan beroperasi sebagai bursa saham
11. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan
12. Kekebalan

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN PERALIHAN

13. Mencegah anomali

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 632

AKTA DEMUTUALISASI (BURSA SAHAM KUALA LUMPUR) 2003

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perubahan Bursa Saham Kuala Lumpur daripada suatu syarikat berhad menurut jaminan kepada suatu syarikat awam berhad menurut syer dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya.

[2 Januari 2004, P.U. (B) 6/2004]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Bursa” ertinya Bursa Saham Kuala Lumpur;

“hak” ertinya segala hak, kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada pada masa kini atau pada masa hadapan, yang sebenar, kontingen atau dijangka, dan sama ada boleh dikuatkuasakan di Malaysia atau di tempat lain;

“harta” ertinya apa-apa harta alih atau tak alih dan termasuklah—

- (a) berhubung dengan harta, apa-apa kepentingan, isemen atau hak, sama ada dari segi ekuiti atau di sisi undang-undang, hakmilik, tuntutan, hak dalam tindakan, kuasa atau keistimewaan, sama ada pada masa kini atau pada masa hadapan, yang terletak hak atau kontingen, atau yang selainnya mempunyai nilai;
- (b) apa-apa dokumen pemindahhakan yang disempurnakan bagi memindahhakan, menyerahhakkan, menentukan, menyerah balik atau selainnya memindahhakan hakmilik atau melupuskan harta tak alih, yang orang yang menyempurnakan dokumen pemindahhakan itu ialah tuan punya, yang memiliki atau berhak mendapat hak kontingen sama ada bagi keseluruhan kepentingan itu atau bagi apa-apa kepentingan yang kurang daripada itu;
- (c) sekuriti;
- (d) apa-apa surat cara boleh niaga, termasuk apa-apa nota bank, nota pembawa, Bil Perbendaharaan, waran dividen, bil pertukaran, nota janji hutang, cek dan sijil deposit boleh niaga;
- (e) apa-apa gadai janji atau gadaian, sama ada di sisi undang-undang atau dari segi ekuiti, jaminan, lien atau sandaran, sama ada yang sebenar atau konstruktif, surat hipotekasi atau resit amanah, tanggung rugi, aku janji atau cara lain menjamin pembayaran atau penjelasan sesuatu hutang atau liabiliti, sama ada pada masa kini atau pada masa hadapan, yang terletak hak atau kontingen; dan
- (f) apa-apa harta ketara atau tidak ketara yang lain;

“kaedah-kaedah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [*Akta 280*];

“liabiliti” termasuklah tiap-tiap jenis hutang, tanggungan, kewajipan dan obligasi, sama ada pada masa kini atau pada masa hadapan, yang terletak hak atau kontingen;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“Pendaftar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*];

“syarikat berhad menurut syer” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 1965;

“syarikat penerima pindahan” ertinya suatu syarikat yang dinamakan oleh Menteri di bawah seksyen 8;

“tarikh letak hak” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 9;

“tarikh perubahan” ertinya tarikh Bursa berubah menjadi suatu syarikat awam berhad menurut syer sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 3(3);

“terletak hak”, berhubung dengan harta, termasuklah mempunyai hak mengenai harta pada masa hadapan atau yang kontingen dan hak persembaian dan baki.

BAHAGIAN II

PERUBAHAN KEPADA SYARIKAT AWAM BERHAD MENURUT SYER

Perubahan kepada syarikat awam berhad menurut syer

3. (1) Bursa tidak boleh memohon untuk mengubah dirinya daripada suatu syarikat berhad menurut jaminan kepada suatu syarikat awam berhad menurut syer melainkan jika kelulusan Menteri secara bertulis diperoleh, atas syor Suruhanjaya.

(2) Walau apa pun peruntukan dalam memorandum dan perkara-perkara persatuan bagi Bursa sebaik sebelum tarikh perubahan, Akta Syarikat 1965 dan mana-mana undang-undang lain, tetapi tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Bursa boleh memohon untuk mengubah dirinya daripada suatu syarikat berhad menurut jaminan kepada suatu syarikat awam berhad menurut syer dengan mengemukakan kepada Pendaftar—

(a) suatu salinan kelulusan Menteri secara bertulis yang disebut dalam subseksyen (1);

- (b) salinan-salinan resolusi khas, yang diluluskan mengikut perkara-perkara persatuan bagi Bursa sebaik sebelum tarikh perubahan, yang meluluskan perubahan Bursa kepada suatu syarikat awam berhad menurut syer dan menerima pakai memorandum dan perkara-perkara persatuan yang dipinda yang disebut dalam perenggan (c);
- (c) suatu salinan memorandum dan perkara-perkara persatuan bagi Bursa yang telah dipinda dengan sewajarnya bagi menunjukkan bahawa Bursa ialah suatu syarikat awam berhad menurut syer;
- (d) suatu salinan kelulusan Suruhanjaya secara bertulis ke atas memorandum dan perkara-perkara persatuan yang telah dipinda yang disebut dalam perenggan (c); dan
- (e) maklumat tentang bilangan dan jenis-jenis syer, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang akan diterbitkan selepas perubahan Bursa.

(3) Setelah Pendaftar berpuas hati bahawa pengemukaan yang dikehendaki dalam subseksyen (2) telah dibuat, Pendaftar hendaklah memaklumkan yang demikian itu kepada Menteri, dan Menteri boleh, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh perubahan dan pada tarikh itu perubahan Bursa kepada suatu syarikat awam berhad menurut syer hendaklah mula berkuat kuasa.

(4) Pada tarikh perubahan, Pendaftar hendaklah menukarkan dengan sewajarnya butir-butir pendaftaran Bursa dan mengeluarkan suatu perakuan pemerbadanan yang baru yang menunjukkan perubahan Bursa daripada suatu syarikat berhad menurut jaminan kepada suatu syarikat awam berhad menurut syer mengikut bentuk yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar dan selepas perakuan pemerbadanan yang baru itu dikeluarkan perakuan pemerbadanan Bursa yang terdahulu sebagai suatu syarikat berhad menurut jaminan hendaklah disifatkan terbatal.

(5) Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta Syarikat 1965, perakuan pemerbadanan baru yang dikeluarkan menurut subseksyen (4) hendaklah menjadi perakuan pemerbadanan Bursa sebagai suatu syarikat awam berhad menurut syer yang sah bagi maksud Akta Syarikat 1965 atau bagi apa-apa maksud lain.

Kesan perubahan

4. (1) Apabila Bursa berubah menjadi suatu syarikat awam berhad menurut syer menurut seksyen 3—

- (a) memorandum dan perkara-perkara persatuan yang dipinda yang disebut dalam perenggan 3(2)(c) hendaklah menjadi memorandum dan perkara-perkara persatuan bagi Bursa;
- (b) Bursa hendaklah terhenti menjadi suatu syarikat berhad menurut jaminan dan hendaklah disifatkan telah menjadi suatu syarikat awam berhad menurut syer mengikut memorandum dan perkara-perkara persatuan yang dipinda yang disebut dalam perenggan 3(2)(c);
- (c) liabiliti setiap anggota Bursa di bawah perkara-perkara persatuan bagi Bursa sebaik sebelum tarikh perubahan dan anggota lampau Bursa sebagai penjamin sebaik sebelum tarikh perubahan hendaklah disifatkan terlupus;
- (d) syer mengundi bagi Bursa sebagai suatu syarikat awam berhad menurut syer hendaklah diterbitkan kepada mana-mana orang dan dalam apa-apa nisbah sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri atas syor Suruhanjaya;
- (e) lembaga atau badan pentadbir, dengan apa jua nama dipanggil, bagi Bursa sebaik sebelum tarikh perubahan hendaklah disifatkan sebagai lembaga pertama bagi Bursa sebagai suatu syarikat awam berhad menurut syer sehingga suatu lembaga atau badan pentadbir yang baru dilantik mengikut memorandum dan perkara-perkara persatuan yang dipinda yang disebut dalam perenggan 3(2)(c), dengan syarat bahawa lembaga pertama itu hendaklah beroperasi bagi tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau sehingga tarikh Bursa sebagai suatu syarikat awam berhad menurut syer disenaraikan, mengikut mana-mana yang lebih awal; dan
- (f) tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana anggota dalam daftar ahli Bursa sebaik sebelum tarikh perubahan hendaklah terhenti menjadi ahli sedemikian.

(2) Orang yang kepadanya syer mengundi telah diterbitkan di bawah perenggan (1)(d) hendaklah disifatkan sebagai anggota dalam daftar anggota Bursa sebagai suatu syarikat awam berhad menurut syer dan nama mereka hendaklah dimasukkan sebagai anggota sedemikian dalam daftar anggota pada tarikh perubahan.

(3) Seksyen 32, 33B dan 41 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan seksyen 50, 52, 54 dan 142 Akta Syarikat 1965 tidak terpakai bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan penguntukan, penerbitan dan pemerolehan syer mengundi menurut perenggan (1)(d) dan perubahan Bursa kepada suatu syarikat awam berhad menurut syer.

(4) Melainkan jika kelulusan Menteri, atas syor Suruhanjaya, diperoleh tiada seorang pun boleh melupuskan mana-mana syer mengundi yang diterbitkan di bawah perenggan (1)(d) melainkan jika dan sehingga syer mengundi itu disenaraikan.

(5) Sekiranya berlaku pelanggaran subseksyen (4), Suruhanjaya boleh mengenakan suatu moratorium atau melarang apa-apa dagangan atau apa-apa urusan niaga, ke atas syer mengundi yang disebut dalam perenggan (1)(d).

(6) Bagi maksud seksyen ini, “disenaraikan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

Pindaan memorandum dan perkara-perkara persatuan, dsb.

5. Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh menghalang atau mengehendkan Bursa sebagai suatu syarikat awam berhad menurut syer daripada meminda memorandum dan perkara-perkara persatuannya atau mengubah jenisnya, modal syernya, pemegang-pemegang sahamnya dan pengarah-pengarahnya mengikut peruntukan mana-mana undang-undang yang terpakai baginya selepas perubahannya kepada suatu syarikat awam berhad menurut syer.

Kedudukan syarikat anggota selepas perubahan

6. Selepas perubahan Bursa di bawah Bahagian ini, seseorang yang sebaik sebelum perubahan itu—

- (a) ialah suatu syarikat yang menjalankan urusan berniaga sekuriti dan diiktiraf sebagai suatu syarikat anggota di bawah kaedah-kaedah Bursa yang berkaitan hendaklah diiktiraf sebagai suatu organisasi peserta oleh syarikat penerima pindahan dan adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah syarikat penerima pindahan, selepas tarikh perubahan; atau

- (b) adalah dalam penggajian, atau bertindak bagi atau melalui perkiraan dengan, syarikat anggota yang disebut dalam perenggan (a) dan menjalankan bagi syarikat anggota itu mana-mana urusan berniaga sekuritinya dan diiktiraf atau didaftarkan oleh Bursa sebagai yang demikian, hendaklah diiktiraf atau didaftarkan untuk bertindak atas sifat itu oleh syarikat penerima pindahan, dan adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah syarikat penerimaan pindahan, selepas tarikh perubahan.

Kesan lain perubahan

7. Maka diisytiharkan bahawa perubahan Bursa di bawah Bahagian ini—

- (a) tidak mewujudkan suatu entiti undang-undang yang baru atau menjejaskan atau menyentuh identitinya atau keberterusannya;
- (b) tidak mencatatkan atau menyentuh apa-apa prosiding undang-undang, tata tertib, atau prosiding lain yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya sebelum perubahan itu, walau apa pun apa-apa pertukaran pada namanya atau statusnya berikutan perubahannya itu;
- (c) tidak menyentuh apa-apa suruhan, perintah, kelulusan, pemberitahuan, arahan, perbuatan, kehendak, syarat, persetujuan, garis panduan, pekeliling, aku janji, perisytiharan, tanggung rugi, penepian, pengecualian, sekatan atau keputusan, atau dokumen lain walau apa jua dinamakan, yang dibuat, diberikan atau dilakukan oleh Bursa sebelum perubahannya, di bawah, mengikut atau menurut kuasa peruntukan undang-undang sekuriti, kaedah-kaedah atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, dan suruhan, perintah, kelulusan, pemberitahuan, arahan, perbuatan, kehendak, syarat, persetujuan, garis panduan, pekeliling, aku janji, perisytiharan, tanggung rugi, penepian, pengecualian, sekatan atau keputusan, atau dokumen lain itu, hendaklah terus sah, mengikat dan mempunyai kesan berhubung dengan orang yang baginya suruhan, perintah, kelulusan, pemberitahuan, arahan, perbuatan, kehendak, syarat, persetujuan, garis panduan, pekeliling, aku janji, perisytiharan, tanggung rugi, penepian, pengecualian, sekatan atau keputusan, atau dokumen lain itu, terpakai sehingga ia dipinda, dimansuhkan atau sehingga ia luput;

- (d) tidak menyentuh apa-apa suruhan, perintah, kelulusan, pemberitahuan, arahan, perbuatan, kehendak, syarat, persetujuan, garis panduan, pekeliling, aku janji, perisytiharan, tanggung rugi, penepian, pengecualian, sekatan atau keputusan, atau dokumen lain walau apa jua dinamakan, yang dibuat, diberikan atau dilakukan oleh Suruhanjaya kepada atau terhadap Bursa sebelum perubahannya, di bawah, mengikut atau menurut kuasa peruntukan undang-undang sekuriti, kaedah-kaedah atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai, dan suruhan, perintah, kelulusan, pemberitahuan, arahan, perbuatan, kehendak, syarat, persetujuan, garis panduan, pekeliling, aku janji, perisytiharan, tanggung rugi, penepian, pengecualian, sekatan atau keputusan, atau dokumen lain itu, hendaklah terus sah, mengikat dan mempunyai kesan berhubung dengan orang yang baginya suruhan, perintah, kelulusan, pemberitahuan, arahan, perbuatan, kehendak, syarat, persetujuan, garis panduan, pekeliling, aku janji, perisytiharaan, tanggung rugi, penepian, pengecualian, sekatan atau keputusan, atau dokumen lain itu, terpakai sehingga ia dipinda, dimansuhkan atau sehingga ia luput;
- (e) tidak menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang diperoleh atau terakru di bawah peruntukan undang-undang sekuriti, kaedah-kaedahnya atau mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai sebelum tarikh perubahan dan tidak menyentuh apa-apa prosiding undang-undang, tata tertib atau prosiding lain, remedi, siasatan atau pemeriksaan yang berhubung dengan hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti itu, dan prosiding undang-undang, tata tertib atau prosiding lain, remedi, siasatan atau pemeriksaan itu bolehlah dimulakan atau dikuatkuasakan selepas perubahannya; dan
- (f) tidak menyentuh apa-apa tindakan yang telah atau yang boleh diambil oleh Bursa bagi apa-apa pelanggaran kaedah-kaedahnya sebelum perubahan Bursa.

BAHAGIAN III

SYARIKAT PENERIMA PINDAHAN

Penamaan syarikat penerima pindahan oleh Menteri

8. (1) Apabila Bursa berubah menjadi suatu syarikat awam berhad menurut syer, Menteri boleh, melalui pemberitahuan yang disiarkan

dalam *Warta*, menamakan suatu anak syarikat milik penuh Bursa sebagai syarikat penerima pindahan bagi maksud Akta ini.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “anak syarikat milik penuh” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 5B Akta Syarikat 1965.

Peruntukan peletakhakan

9. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh perubahan sebagai tarikh letak hak, dan pada tarikh itu, segala harta, hak atau liabiliti, sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam perintah itu hendaklah, menurut kuasa Akta ini, berpindah kepada atau terletak hak pada syarikat penerima pindahan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hakmilik.

(2) Jika suatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1), segala harta, hak dan liabiliti yang terletak hak pada atau dipegang oleh Bursa apabila Bursa berubah, sama ada secara berseorangan atau berse sama dengan mana-mana orang lain, hendaklah, menurut kuasa perintah itu, pada dan selepas tarikh letak hak, menjadi terletak hak pada atau dipegang oleh syarikat penerima pindahan sama ada secara berseorangan atau berse sama dengan mana-mana orang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan perintah itu hendaklah berkuat kuasa mengikut terma-termanya walau apa pun apa-apa dalam mana-mana undang-undang, dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang disentuh olehnya, walaupun orang yang disentuh itu tidak mendapat notis tentang perintah yang dibuat di bawah seksyen ini atau tentang prosiding lain yang berkaitan.

(3) Tiap-tiap harta yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat penerima pindahan hendaklah terletak hak sedemikian dengan hakmilik, hak harta atau kepentingan yang sama dan pemegangan yang serupa sebagaimana harta itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh letak hak.

(4) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat penerima pindahan boleh, pada dan selepas tarikh letak hak, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh syarikat penerima pindahan atas namanya sendiri dan tidaklah perlu notis diberikan kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu mengenai peletakhakan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(5) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang terletak hak menurut kuasa subseksyen (1) pada syarikat penerima pindahan boleh, pada dan selepas tarikh letak hak, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh syarikat penerima pindahan atas namanya sendiri dan tidaklah perlu notis diberikan kepada orang yang hak atau liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(6) Apa-apa prosiding undang-undang, tatatertib, atau prosiding lain yang belum selesai berhubung dengan mana-mana harta, hak atau liabiliti yang berpindah kepada atau terletak hak pada syarikat penerima pindahan menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh letak hak, diteruskan oleh atau terhadap syarikat penerima pindahan.

(7) Pada dan selepas tarikh letak hak, mana-mana perjanjian yang berhubungan dengan mana-mana harta, hak dan liabiliti yang berpindah kepada atau terletak hak pada syarikat penerima pindahan di bawah subseksyen (1) sebaik sebelum tarikh letak hak, sama ada bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak sedemikian jenisnya sehingga harta, hak dan liabiliti di bawah perjanjian itu boleh diserahkan, hendaklah berkuat kuasa seolah-olah syarikat penerima pindahan menjadi pihak kepada perjanjian itu.

(8) Pada dan selepas tarikh letak hak, sebutan mengenai Bursa dalam apa-apa suruhan, perintah, kelulusan, pemberitahuan, arahan, perbuatan, kehendak, syarat, persetujuan, garis panduan, pekeliling, aku janji, perisytiharan, tanggung rugi, penepian, pengecualian, sekatan atau keputusan, atau dokumen lain walau apa jua dinamakan, yang dibuat, diberikan atau dilakukan oleh mana-mana orang sebelum tarikh letak hak berhubung dengan harta, hak atau liabiliti yang berpindah kepada atau terletak hak pada syarikat penerima pindahan menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang syarikat penerima pindahan.

(9) Pada dan selepas tarikh letak hak, apa-apa suruhan, perintah, kelulusan, pemberitahuan, arahan, perbuatan, kehendak, syarat, persetujuan, garis panduan, pekeliling, aku janji, perisytiharaan, tanggung rugi, penepian, pengecualian, sekatan atau keputusan, atau dokumen lain walau apa jua dinamakan, yang dibuat, diberikan atau dilakukan oleh atau kepada atau terhadap Bursa, berhubung dengan harta, hak atau liabiliti yang berpindah kepada atau terletak hak pada syarikat penerima pindahan menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah ditafsirkan sebagai dibuat, diberikan atau dilakukan oleh atau kepada atau terhadap syarikat penerima pindahan.

Syarikat penerima pindahan beroperasi sebagai bursa saham

10. Tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Menteri, atas syor Suruhanjaya, kelulusan yang diberikan oleh Menteri di bawah seksyen 8 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 kepada Bursa sebaik sebelum tarikh perubahan hendaklah disifatkan telah dipindahkan kepada syarikat penerima pindahan pada tarikh letak hak.

Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

11. Menteri, atas syor Suruhanjaya, boleh membuat apa-apa peraturan yang wajar atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

Kekebalan

12. Tiada liabiliti sivil boleh ditanggung oleh—

(a) Menteri, Suruhanjaya, Pendaftar atau Bursa; atau

(b) mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Menteri, Suruhanjaya (termasuk mana-mana anggota Suruhanjaya atau mana-mana anggota jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya), Pendaftar atau Bursa (termasuk mana-mana anggota lembaga Bursa, dan mana-mana anggota jawatankuasa yang ditubuhkan oleh lembaga itu), termasuklah—

(i) mana-mana pegawai kepada Menteri, Suruhanjaya, Pendaftar atau Bursa; atau

(ii) mana-mana ejen, atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Menteri, Suruhanjaya, Pendaftar atau Bursa,

untuk, oleh sebab, atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dilakukan, atau apa-apa kenyataan yang dibuat atau ditinggalkan dari dibuat, berkaitan dengan maksud, atau bersampingan dengan pelaksanaan atau perjalanan atau cadangan pelaksanaan atau perjalanan, peruntukan-peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, jika perbuatan, ketinggalan atau kenyataan itu dilakukan atau dibuat dengan suci hati.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN PERALIHAN

Mencegah anomali

13. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika apa-apa kesulitan timbul mengenai pemakaian mana-mana satu atau lebih peruntukan Akta ini, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa ubah suaian dalam mana-mana satu atau lebih peruntukan itu sebagaimana yang didapati perlu oleh Menteri bagi mencegah anomali.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan dalam subseksyen (1) selepas luput tempoh empat tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 632****AKTA DEMUTUALISASI (BURSA SAHAM
KUALA LUMPUR) 2003**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari– TIADA –

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 632

**AKTA DEMUTUALISASI (BURSA SAHAM
KUALA LUMPUR) 2003**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari

– TIADA –
